

Kerjasama Musk buka puluhan ribu peluang kerja

Jutawan teknologi setuju buat pelaburan, buka ibu pejabat Tesla di Malaysia

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kerjasama kerajaan Malaysia dengan pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla Inc dan SpaceX, Elon Musk akan membuka puluhan ribu peluang pekerjaan tenaga mahir di negara ini.

Perdana Menteri berkata, ia susulan persetujuan diberikan Musk untuk melabur secara besar-besaran di Malaysia, termasuk membuka Ibu Pejabat, Pusat Servis dan Pusat Pengalaman Tesla Inc di Cyberjaya.

Anwar berkata, perkara itu dimaklumkan jutawan dan usahawan teknologi dari Amerika Syarikat (AS) itu kepadanya dalam persidangan video, semalam.

"Beliau juga bersetuju menjalin kerjasama dengan kerajaan melibatkan syarikat SpaceX (miliknya) dalam perkhidmatan satelit Starlink serta kenderaan elektrik (EV).

"Malah, tiga syarikat Malaysia akan terlibat dalam projek bersama SpaceX... Musk dalam pertemuan tadi (semalam) menyatakan akan adakan kunjungan ke negara ini dalam masa terdekat," kata Anwar kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Khairiyah Taman



Anwar bersama Tengku Zafrul, Fahmi (kiri) dan Dreyer mengadakan pertemuan maya dengan Elon Musk, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto FB A)

Sri Gombak di sini.

Terdahulu, pertemuan maya Anwar yang turut disertai Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil dan Pengarah Kanan SpaceX, Lauren Dreyer yang bermula jam 9.30 pagi, berlangsung selama kira-kira 25 minit.

Jumaat lalu, Anwar memaklumkan beliau akan mengadakan pertemuan dengan Musk minggu ini bagi meneroka cara untuk syarikat kenderaan elektrik utama itu menambah pelaburan di Malaysia.

Kerjasama dengan SpaceX

Mengulas lanjut pertemuan yang dinantikan itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan menyatakan keyakinannya kerjasama dengan syarikat SpaceX dalam perkhidmatan satelit Starlink pula bakal memperhebat akses dan ketersambungan internet, sekali gus memberi peluang penduduk luar bandar mengakses kemudahan berkenaan.

Katanya pertemuan dengan Musk juga adalah satu perkembangan yang cukup baik kepada negara terutama dalam bidang EV.

"Starlink (perkhidmatan satelit) akan memberi ruang kepada semua kawasan luar bandar, sekolah, universiti untuk mendapat 'direct internet' yang murah.

"Malah, Musk menyatakan walaupun 40 (satelit) disediakan awal, tapi beliau beri pengakuan sebentar tadi (semalam) untuk memberi keutamaan kepada Malaysia," katanya.

Sehubungan itu, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) diberi tanggungjawab untuk memastikan pelaburan tiga syarikat terlibat dalam projek bersama SpaceX diberi ruang dan perhatian menepati keperluan Musk.

Sebelum itu, dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sebaik pertemuan maya Anwar dan Musk berakhir, Perdana Menteri berkata, beliau mengalu-alukan minat dan keputusan pelaburan

syarikat AS itu di Malaysia.

Beliau turut menyampaikan ucapan tahniah dan dokongan kerajaan atas pembukaan ibu pejabat, pusat servis dan pusat pengalaman jenama kenderaan elektrik Tesla milik Musk di Selangor pada tahun ini.

Anwar berkata, Malaysia akan terus memperkasakan komitmen dalam soal pelepasan karbon sifar bersih atau *net-zero emissions* seawal-awalnya pada tahun 2050.

"Malaysia mempunyai pelan dan ekosistem komprehensif, serta sumber yang berdaya saing dalam menyokong industri tenaga bersih, termasuk mobiliti elektrik.

"Perbincangan turut berkisar kepada penyertaan syarikat SpaceX dalam perkhidmatan satelit Starlink yang dapat menyumbang kepada capaian internet yang lebih laju dan meluas, terutama di kawasan pedalaman, yang hanya memerlukan infrastruktur fizikal dan tanah yang minimum bagi meningkatkan rangkaian internet global," katanya.